



## Rahim akan wakili Malaysia ke Perhimpunan BB

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan, Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar, (foto atas) akan mewakili Malaysia ke Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York, tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, Timbalannya, Datuk Musa Hitam, telah memberitahu mengenai Haji Abdul Rahim perkara itu menerusi sepucuk kawat Perdana Menteri bercutidiluar negeri, baru-baru ini.

"Saya sendiri akan mendapatkan pengesahan darinya mengenai pemergian ke New York itu sedikit masa lagi," katanya memberitahu para pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA, di sini.

Bagaimanapun, beliau menafikan Haji Abdul Rahim akan bertolak hari ini seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar, hari ini.

Haji Abdul Rahim akan bertolak ke

sana apabila persiapan yang diperlukan telah beres," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, beliau akan melantik seorang untuk memangku jawatan Menteri Besar Pahang ketika ketidadaannya selama tiga bulan.

Ketika ditanya sama ada beliau yakin terhadap Haji Abdul Rahim sebagai Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Saya sebagai seorang pemimpin parti haruslah yakin kepada semua Menteri Besar.

"Saya juga yakin kepada Menteri Besar Pahang akan datang jika perlantikan baru dibuat," tambahnya.

Sementara itu, wakil kita di Kuantan, Farush Khan melaporkan, Ah'li Exco Negeri Pahang, Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman disebut-sebut sebagai orang yang paling layak memangku jawatan Menteri Besar Pahang.

Pemerhati-pemerhati politik di sini berpendapat, beliau adalah pilihan pertama berdasarkan khidmatnya yang paling lama sebagai ahli Exco Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri.